

NAMA: _____ KELAS : _____

LATIHAN POLA AYAT

Bina dua ayat berdasarkan pola ayat yang diberikan.

Frasa nama (FN) + Frasa nama (FN)

Contoh : Amira seorang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Jauhari.

(FN) (FN)

1.

2.

Frasa nama (FN) + Frasa sendi nama (FSN)

Contoh : Rumah beliau di Taman Anggerik.

(FN) (FSN)

1.

2.

Baca petikan di bawah dan kenal pasti tiga pola ayat bagi **Frasa Nama (FN) + Frasa Kerja (FK)**

Salah satu langkah yang perlu kita beri perhatian untuk menjaga kesihatan adalah dengan menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal. Keadaan di dalam dan di luar rumah hendaklah bersih daripada sampah sarap dan tempat-tempat air bertakung. Perkara ini akan dapat menghapuskan tempat pembiakan agen-agen penyakit seperti lalat, tikus, nyamuk dan lain-lain. Kita perlulah menyahut seruan kempen yang dilancarkan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam iaitu kempen "Jumpa Sampah Kutip" dan kempen "Memerangi LILATI (lipas, lalat dan tikus)." Oleh itu, sampah perlu dibakar, dikambus atau dibuang di tempat khas. Pasu-pasu bunga dan longkang perlu diperiksa agar air tidak bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk. Dengan demikian, penyakit-penyakit bawaan vektor seperti taun, malaria, dan denggi dapat dielakkan. Tegasnya, menjaga kebersihan persekitaran merupakan langkah asas untuk kita semua ke arah mencapai tahap kesihatan yang optimum.

1.

2.

3.